



## DEPARTMENT OF GENERAL STUDIES

## FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

---

Course Code & Name : **MPU3212 BAHASA KEBANGSAAN A**  
 Semester & Year : May - August 2020  
 Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- 1 This question paper consists of 2 parts:
  - . PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - . PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa  
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
- 2 Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- 3 This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- 4 Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**BAHAGIAN A**  
**ARAHAN**

**Total Number of pages = 10 (Including the cover page)**  
**: SOALAN OBJEKTIF (30 MARKAH)**  
: Jawab semua soalan di bawah ini. Pilih jawapan yang paling tepat dan tandakan di atas kertas OMR yang disediakan.

---

**TAMAT BAHAGIAN A**

## BAHAGIAN B

**SOALAN 1 : SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**  
**ARAHAN** : Jawab semua soalan di bawah ini.

---

### PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

#### Petikan (i)

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini telah mengeluarkan statistik kesalahan rasuah dari 2014 hingga 2019 yang menunjukkan 46.3 peratus daripada 4,860 individu ditahan atas kesalahan rasuah adalah penjawat awam. Generasi muda berusia bawah 40 tahun pula merangkumi 53.4 peratus.

Soal selidik SPM mendapati 22.1 peratus responden sanggup menerima rasuah jika mempunyai kuasa atau kedudukan dalam jawatan disandang. Kajian Bank Dunia juga menyatakan kira-kira 51.4 peratus firma atau syarikat pembuatan di Malaysia bersedia menawarkan ‘hadiyah’ untuk mendapatkan kontrak kerajaan. Hasil tinjauan Institut Integriti Malaysia (IIM) mengenai persepsi pelajar terhadap rasuah pula mendapati bahawa seorang daripada tiga pelajar universiti tempatan berpendapat, menerima habuan sebagai balasan untuk perkhidmatan diberikan bukan rasuah. Berdasarkan kajian dijalankan SPM yang membabitkan kira-kira 1000 pelajar universiti, 16 peratus daripada mereka sanggup menerima rasuah, manakala 18.5 peratus pula sanggup menerima rasuah jika tiada apa-apa tindakan diambil terhadap perbuatan mereka.

Mengambil kira kes yang berlaku membabitkan isu menjual MyKad dan sijil kelahiran kepada rakyat asing di Pulau Pinang baru-baru ini, cukup membimbangkan kerana hal ini pastinya turut membabitkan gejala rasuah. Lebih mengejutkan antara individu ditahan pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang berusia awal 30-an. Pada usia muda begini, penjawat awam sepatutnya membina kerjaya dan **memperkasa integriti** serta memperkuuhkan aspek kepemimpinan, sekali gus menjadi contoh kepada masyarakat serta penjawat awam lain agar mempersiapkan diri mengambil tanggungjawab lebih besar suatu hari nanti.

Pelbagai kaedah diperkenalkan bagi menekan gejala rasuah seperti butiran data asid deoksiribonukleik (DNA) ke dalam sijil setiap warganegara atau penggunaan kamera badan pada pegawai penguat kuasa. Semua ini antara langkah terbaik bagi mengatasi salah guna kuasa, walaupun mungkin membabitkan kos yang tinggi. Teknologi hanya boleh membantu, tetapi tidak menjanjikan 100 peratus boleh menekan penipuan.

Justeru, perkara utama diperlu dilakukan adalah menyemai budaya benci rasuah pada peringkat awal lagi dengan didikan agama, bermula di sekolah, apatah lagi di universiti kerana graduan muda akan memasuki alam pekerjaan sebaik sahaja meninggalkan menara gading.

*(Dipetik dan diubahsuai daripada Berita Harian online,  
“Gejala rasuah gugat integriti generasi muda”, 8 Oktober 2019)*

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “**memperkasa integriti**”? (2 markah)
2. Berdasarkan kajian seperti yang dinyatakan dalam petikan di atas, nyatakan **EMPAT (4)** faktor yang membuatkan seseorang itu sanggup terlibat dengan rasuah. (4 markah)
3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** impak yang akan terjadi kepada negara kita jika peratusan rasuah di negara kita semakin meningkat? (4 markah)

**Petikan (ii)**

Baca petikan sajak di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**Sahabat**  
**Oleh: Mohd Daud Ibrahim**

Sahabat  
Saat kita beriringan mengejar pelangi  
Tidak terhitung selautan duka  
Yang mengalir dari celah jejari kegembiraan

Sahabat  
Di manakah kalian kini?  
Mengepakkan sayap  
**Terbang mencari arah tuju**  
Membina diri

Sahabat  
Aku rindu akan saat itu  
Mereka ialah teman  
Teman yang menjadi penghibur  
Teman yang menjadi penolong  
Di kala kita kelemasan  
Di kala kita sesat  
Sewaktu berjalan mengejar pelangi

Sahabat  
Walau di mana-mana pun mereka kini  
Ukhuwah yang telah kita bina  
Akan menjadi tugu besar di hati ini

(Sumber: Tunas Cipta, Bil. (12) 2014)

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “**terbang mencari arah tuju**”? **(2 markah)**
2. Apakah persoalan utama sajak di atas? **(2 markah)**
3. Berdasarkan petikan sajak di atas, nyatakan **DUA (2)** peranan sahabat itu? **(2 markah)**
4. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya mengekalkan hubungan persahabatan?  
Nyatakan **DUA (2)** cara. **(4 markah)**

## **TATABAHASA (20 markah)**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

- a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.

- I. bergerak (**2 markah**)
- II. menggerakkan (**2 markah**)
- III. pergerakan (**2 markah**)
- IV. digerakkan (**2 markah**)
- V. gerakan (**2 markah**)

**(10 markah)**

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Tuliskan jawapan yang betul di kertas jawapan.

1. Semua pensakit di wad itu penghidap penyakit jantong.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

2. Juru jual syarikat itu sangat bijak mengpromosikan produk terbaru mereka.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

3. Semua pendapat yang bernas itu adalah daripada para peserta kursus indaksi jabatan kami.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

4. Jalur Gemilang dapat memupuk perasaan patriotism dalam kalangan rakyat Malaysia.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

5. Keluaran permit impot kereta kini tidak banyak lagi seperti dahulu.

Kesalahan ejaan : \_\_\_\_\_  
Kesalahan imbuhan : \_\_\_\_\_

**(10 markah)**

**SOALAN 2****: SOALAN ESEI (30 MARKAH)****ARAHAN**: Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

**SOALAN 1**

Malaysia merupakan sebuah negara yang istimewa. Ramai pelancong memilih negara kita sebagai destinasi pelancongan. Apakah sebab-sebab rakyat Malaysia perlu memilih untuk melancong di negara sendiri?

**ATAU;****SOALAN 2**

Negara Malaysia merupakan negara yang mempunyai anak watan berbilang kaum dan hidup secara bersama sehati sejiwa. Namun begitu, terdapat beberapa isu yang menunjukkan bahawa kurangnya kerjasama dalam kalangan masyarakat berbilang kaum ini. Pada pendapat anda,uraikan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memupuk semangat kerjasama yang semakin luntur ini.

**ATAU;****SOALAN 3**

Masalah obesiti di Malaysia bukanlah satu hal yang remeh kerana obesiti telah menyebabkan pelbagai penyakit yang boleh mengancam nyawa. Pemakanan yang tidak seimbang merupakan salah satu penyebab obesiti. Bincangkan kepentingan pemakanan seimbang kepada manusia.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**